

**SOALAN PENILAIAN  
ANUGERAH NILAM DAERAH PONTIAN  
( BAHASA MALAYSIA SEKOLAH RENDAH )**

**NOTA :**

- I = Penilaian Individu**  
**K = Penilaian Kumpulan**  
**P = Penilaian Penulisan**

**1 ESTETIK, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN**

I	Bagaimanakah anda mempromosikan budaya negara kita kepada rakan dari luar negara?
K	Apakah cara yang boleh digunakan untuk menghidupkan kembali permainan-permainan tradisional?
P	Bagaimanakah budaya membawa perpaduan?

**2 PERTANIAN**

I	Hasil tempatan vs hasil yang diimport. Yang mana satu pilihan anda?
K	Anda diberi satu projek pertanian. Bagaimanakah anda mengurus projek tersebut?
P	Bagaimanakah teknologi menyumbang dalam industri pertanian?

**3 ISU SOSIAL**

I	Apakah pandangan anda tentang merotan sebagai satu bentuk hukuman?
K	Bagaimanakah cara hidup moden mempengaruhi gaya hidup anda?
P	Adakah teknologi menjarakkan atau merapatkan hubungan dalam kalangan ahli keluarga?

#### 4 EKONOMI, KEWANGAN DAN KEUSAHAWANAN

I	Beri pendapat anda berkenaan membeli-belah dalam talian.
K	Sekolah anda sedang menganjurkan projek kutipan derma. Cadangkan apakah bentuk sumbangan anda?
P	Anda diberikan elaun mingguan sebanyak RM50. Terangkan bagaimana anda menguruskan perbelanjaan anda?

#### 5 KESELAMATAN

I	Ibu bapa anda terpaksa keluar kerana terdapat kecemasan keluarga dan anda telah diminta untuk menjaga rumah serta adik-adik anda. Apakah langkah keselamatan yang anda akan ambil?
K	Terdapat peningkatan aktiviti jenayah di kawasan kejiranan anda. Bagaimanakah komuniti anda dapat bekerjasama dalam mencegah jenayah di kawasan kejiranan anda?
P	Terangkan bagaimana anda melindungi diri dari sebarang penderaan dan gangguan?

#### 6 KEKELUARGAAN

I	Aktiviti beriadah dapat memupuk hubungan kasih sayang yang lebih erat. Jelaskan.
K	Penggunaan telefon bimbit yang semakin berleluasa dewasa ini merenggangkan hubungan kekeluargaan. Bincangkan.
P	Beri pendapat anda, adakah hubungan kekeluargaan yang kukuh dapat menyokong kecemerlangan akademik.

#### 7 PERPADUAN

I	Bagaimanakah perpaduan pelbagai kaum dapat dipupuk di Malaysia?
K	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Bincangkan peribahasa ini dalam usaha memupuk perpaduan di Malaysia.
P	Beri pendapat anda, apakah implikasi kepada negara Malaysia sekiranya rakyat tidak bersatu padu.

## 8 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

I	Lambakan makanan segera bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan tidak membantu pemakanan seimbang. Jelaskan.
K	Kempen 'Sayangi Sungai Kita" yang dilancarkan oleh kerajaan masih berada pada tahap yang membimbangkan. Beri pandangan anda.
P	Obesiti / kemurungan dalam kalangan remaja merupakan faktor penghalang kepada kecemerlangan diri. Ulaskan kenyataan ini.

## 9 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

I	Kejadian banjir telah mengakibatkan tahap kesihatan rakyat terjejas. Bincangkan.
K	Kemudahan pengangkutan awam yang disediakan oleh kerajaan kurang dimanfaatkan. Beri pendapat anda.
P	Inovasi satu usaha ke arah mencungkil pemikiran murid secara kritis dan kreatif. Bersetujukah anda dengan kenyataan ini?

## 10 PATRIOTISME, KEWARGANEGARAAN DAN JATI DIRI

I	Sikap sayang akan negara dan pemimpin perlu dipupuk sejak kecil. Huraikan.
K	Semangat kekitaan amat penting dalam masyarakat berbilang kaum. Bincangkan.
P	Genggam bara api, biar sampai jadi arang pemangkin kepada kejayaan dalam hidup. Beri pandangan anda.